

#barangbaikbarangkita

Diskaun sehingga 70 peratus

Rebut tawaran menarik pada Karnival Kempen Beli Barangan Malaysia

RAZIATUL HANUM A RAJAK

JOHOR BHARU

Orang ramai perlu merebut peluang keemasan untuk menikmati pelbagai tawaran menarik termasuk diskaun sehingga 70 peratus pada Karnival Kempen Beli Barangan Malaysia di Dataran Angsana di sini yang berakhir hari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ewhal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, karnival yang menjadi kemuncak kepada beberapa siri pengumuman telah di seluruh negara itu menghimpunkan pengeluar, penuncak, pengilang, syarikat minyak dan usahawan tempatan.



Pengeluar produk minuman semulajadi memberi penjelasan mengenai produknya kepada Wan Azizah sempena Karnival Kempen Beli Barangan Malaysia di Dataran Angsana, Johor Bahru semalam.

Menurutnya, karnival berlangsung selama lima hari bermula 30 Oktober lalu sehingga hari ini yang berbentuk pameran dan jualan itu diadakan secara bersepadu oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ewhal Pengguna (KPDNHEP).

"Karnival ini untuk memperkukuhkan perbelanjaan domestik dengan menggalakkan peng-

rasman Karnival Kempen Beli Barangan Malaysia, Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 2019 di Dataran Angsana di sini semalam.

Menurutnya, karnival itu turut membantu pengeluar mesiar dan mempromosikan produk-produk buatan Malaysia serta perkhidmatan mereka.

Sementara itu, katanya, Kementerian menerima dana daripada kerajaan untuk kempen Beli Barangan Malaysia yang akan digunakan sepenuhnya bagi membantu usahawan, pengusaha dan pengilang tempatan mengembangkan perusahaannya serta perniagaan mereka.

"Kita akan bantu, selain mempromosikan pelbagai jenis produk buatan tempatan kepada seluruh rakyat Malaysia melalui pelbagai inisiatif strategik.

"Ia dapat meningkatkan kesedaran dan mendorong pengilang menyokong dan membeli barangan buatan Malaysia," katanya.

Beliau berkata, KPDNHEP juga telah mengadakan perbincangan dan libat urus dengan

Karnival Kempen Beli Barangan Malaysia

- Sebanyak 350 reuut dibuka
- Sebanyak 180 jenama pemamer
- Terdapat lebih 500 produk atau perkhidmatan
- Sasaran nilai jualan melebihi RM5 juta
- Sambutan pengunjung melebihi 300,000 orang

pemain industri peruncitan serta marketplace di Malaysia.

"Pelbagai bentuk kerjasama telah ditetapkan, antaranya penyertaan tetap produk tempatan di *hypermarket* dan pasaran dengan kadar yuran minimum, promosi Kempen Beli Barangan Malaysia di kawasan masing-masing serta pelbagai cara lain," katanya.

Saifuddin berkata, kementerian juga sedang berunding dengan Malaysia Airport Berhad (MAHB) dalam usaha untuk memasarkan produk Malaysia di setiap lapangan terbang dalam negara.

HARI : AHAD
TARIKH : 3/11/2019
M/SURAT : 3



Pengguna perlu berbelanja dengan bijak

JOHOR BAHRU - Pengguna Malaysia dinasihatkan supaya berbelanja dengan bijak dan membuat perbandingan harga sebelum membeli.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, pengguna juga perlu berbelanja mengikut keperluan dan kemampuan masing-masing.

"Apabila kita menyetujui berkaitan kos sara hidup secara umum, pengguna sewajarnya rancang perbelanjaan supaya membeli apa yang diperlukan sahaja sambil buat perbandingan harga.

"Keputusan membeli atau tidak terletak di tangan pengguna, bukan penjual. Ini menunjukkan pengguna berpengaruh dalam menentukan sama ada barangan itu terjual atau tidak," katanya ketika merasmikan Karnival Kempen Beli Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan di Daratan. Angsana, Johor Bahru di sini semalam.

Dalam ucapan sama, beliau menekankan kepentingan memperkukuh dan mempergiat kempen untuk merancang



Karnival yang mengedukang produk tempatan sangat bagus sebab kita dapat tahu jenama yang kita tidak pernah tahu selama ini."

- Fazhen Mazlan, 30, Johor Bahru



Karnival ini bagus sebab saya memang teraciri cari produk buatan Malaysia. Apabila saya tahu di sini semua barangan tempatan, saya yakin nak beli."

- Norrawati Abd Rahman, 44, Kampung Melayu Majidee



Program ini bagus untuk diteruskan, cuma kena buat skala lebih kecil di setiap daerah supaya produk yang ada di kampung sampai ke pasaran yang lebih besar dan dapat diperluaskan."

- Syed Zulkifly Syed Zahai Abidin, 40, Desa Skual



Wan Azizah dan Salfuddin (kanan) menyempurnakan gimik perasmian Karnival Beli Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan di Daratan Angsana, Johor Bahru semalam.

kan ekonomi domestik itu. "Kerana cabaran globalisasi perniagaan kini banyak menyumbang kepada pembelian barangan dari luar negara. "Jadi, langkah kerajaan memperkasakan perbelanjaan dalam negara menerusi inisiatif seperti Kempen Beli Barangan Malaysia bertepatan bagi mengimbangi cabaran serta tekanan globalisasi ekonomi semasa," katanya. Menurutinya, sekiranya semua rakyat menyokong

inisiatif itu dengan membeli barangan tempatan, sudah tentu ia akan merancakkan ekonomi domestik, meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan sekaligus mengelak pengaliran wang keluar dari Malaysia.

Beliau turut mengingatkan pengeluaran produk agar meningkatkan kemampuan inovatif dan daya kreatif supaya produk dihasilkan berkualiti serta bersih.

"Pada masa sama, pengeluaran juga kena tingkatkan produktiviti, kecekapan dan berdaya saing agar barangan mereka boleh dipasarkan pada harga yang kompetitif. "Saya nasihatkan juga semua pengeluaran produk agar dapatkan sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) supaya barangan mudah dijual, bukan hanya dalam negara malah mampu dieksport," katanya.

Wan Azizah turut menyentuh aspek keberkesanan sistem pengedaran supaya kos penghantaran dan pengeluaran dapat dikawal pada satu tahap yang berpatutan kerana ia berkait rapat dengan harga runcit barangan tersebut. Beliau juga menggesa Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana memohon geran padanan yang diumumkan kerajaan pada Belanjawan 2020 baru-baru ini. "Geran padanan ini berjumlah RM500 juta untuk tempoh lima tahun dan dihadkan kepada 100,000 PKS pertama yang memohon untuk menaik taraf sistem mereka," katanya.

#barangbaikbarangkita



Orang ramai membajiti Dataran Angsana di Johor Bahru sempena Karnival Kempen Beifi Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan.



Pengunjung dari Pasir Gudang menerima akhbar Sinar Harian yang diedarkan secara percuma kepada orang ramai sempena Karnival Kempen Beifi Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan.



Pbagai barangan ditawarkan pada harga menarik sempena Karnival Kempen Beifi Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan di Dataran Angsana, Johor Bahru sehingga hari ini.



Buah-buahan segar dan kerepek yang turut menjadi pilihan utama pengunjung turut ditawarkan pada harga yang berpatutan.



Pengunjung wanita mendapatkan pelbagai barangan dapur yang dijual pada harga murah pada Karnival Kempen Beli Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan di Dataran Angsana, Johor Bahru.



Pengunjung turut berpeluang merasai produk yang dijual.